

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB WALI TERHADAP ANAK YATIM

Hasliza Talib

Siti Zaleha Ibrahim

Nor Saadah Din

Noraini Mohamad

Pusat Pengajian Teras (PPT)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Dr Mek Wok Mahmud

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

ABSTRAK

Undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT adalah bagi menjamin kemaslahatan umat manusia secara keseluruhan. Aplikasi sistem wali dalam Islam yang tersusun dan kemas terutama dalam institusi keluarga adalah selari dengan objektif kemaslahatan tersebut. Walau bagaimanapun masyarakat Malaysia secara umum banyak mengaitkan sistem wali dalam urusan perkahwinan sahaja. Secara tidak sedar peranan wali dalam melindungi anak yatim, memberi nafkah dan menguruskan harta telah dikesampingkan. Maka penulisan ini dilakukan bagi mengenengahkan peranan dan tanggungjawab wali dalam tiga aspek berikut iaitu melindungi, memberi nafkah dan menguruskan harta anak yatim. Selain itu penulisan ini juga akan menghuraikan berkaitan kepentingan wali dalam institusi keluarga terutama bagi keluarga yang telah kematian bapa dengan mempunyai anak-anak yatim yang belum mukallaf. Kajian menggunakan satu metode utama iaitu kajian kepustakaan bagi mendapatkan konsep wali berdasarkan penulisan-penulisan terdahulu. Hasil kajian mendapati bahawa peranan wali tidak hanya terhad sebagai syarat wajib dalam rukun nikah sahaja, tetapi juga mempunyai peranan yang penting dalam pengurusan harta, nafkah dan perlindungan terutama bagi anak-anak yatim. Hasil kajian diharapkan agar masyarakat dapat memahami peranan dan tanggungjawab wali sebagaimana yang ditetapkan dalam Islam bagi memastikan institusi keluarga dan kebajikan anak-anak yatim terus terpelihara.

Kata kunci: *wali, peranan, tanggungjawab, keluarga, kepentingan, anak yatim*

PENGENALAN

Bapa merupakan tunggak sebuah keluarga yang berperanan untuk menjaga, memelihara, menguruskan serta memastikan keperluan anak-anak terpelihara. Apabila berlaku kematian terhadap bapa maka tanggungjawab ini akan beralih kepada wali yang akan menguruskan keperluan anak-anak yatim yang ditinggalkan sehingga mereka berkahwin dan mampu menguruskan diri sendiri. Peranan dan tanggungjawab wali tidak hanya terbatas dalam urusan nikah sahaja, malah wali turut bertanggungjawab menanggung nafkah makan, minum, pakaian,

tempat tinggal dan pendidikan anak-anak yatim mengikut kadar kemampuan mereka. Konsep wali yang disusun oleh Allah SWT memperlihatkan keindahan Islam dalam membentuk sebuah masyarakat harmoni yang mengambil berat dan prihatin terhadap golongan lemah sehingga mereka mampu hidup berdikari. Maka kertas kerja ini menghuraikan tanggungjawab dan peranan wali khusus kepada anak-anak yatim. Ia sekaligus memberi faham bahawa tugas melindungi dan memberi nafkah kepada anak yatim juga merupakan tanggungjawab keluarga terdekat yang bertindak sebagai wali. Tanggungjawab ini bukan hanya terletak kepada ibu dan ahli masyarakat yang menyediakan rumah-rumah perlindungan anak-anak yatim.

DEFINISI WALI

Perkataan wali dalam bahasa Arab kebiasaannya digunakan dengan rangkai kata “*al wilayah fi al-nikah aw al-ziwaj*”. Pengertian “*al-wilayah*” ini boleh dilihat dari aspek bahasa dan istilah. Perkataan “*al-wilayah*” (al-Bustani, 1977) berasal daripada bahasa Arab yang merupakan kata dasar (*masdar*) daripada “*wa-li-ya*”, yang memberi erti menyayangi, menolong, menguasai dan memimpin. Juga bermakna kesanggupan bertindak, mengurus atau mempunyai kekuasaan mentadbir sesuatu dan memperwalikan seseorang perempuan. Perkataan “*al-wali*” pula merujuk orang yang mengurus, memelihara atau orang yang bertanggungjawab ke atas sesuatu. Rangkai kata “*wali al-mar’ah*” pula membawa maksud orang yang berkuasa (berhak) mengakadnikahkan seseorang perempuan.

Dari segi istilah, pelbagai definisi tentang perwalian diberikan oleh para cendekiawan Islam. Menurut Abdul Karim Zaydan, perwalian ialah kekuasaan secara syarak terhadap diri dan harta mengikut turutan pelaksanaan kedua-duanya (Zaydan, 1969 M / 1389 H). Menurut al-Sayyid Sabiq, perwalian bermaksud suatu hak menurut syarak yang berkuasa melaksanakan perintah atas orang lain dengan paksa (Sabiq, 1985 M / 1405H). Menurut Badran Abu al-‘Ainain Badran, ianya merupakan kuasa syarak yang diberikan kepada wali untuk menguruskan akad nikah dan untuk membelanjakan harta serta melaksanakan perintah tersebut (Badran, 1985 M / 1389 H). Menurut Wahbah al-Zuhaili perwalian bermaksud kuasa yang membolehkan seseorang untuk melakukan akad atau membelanjakan harta tanpa keizinan orang lain. (al-Zuhaily, 1985 M / 1405 H). Kesimpulannya ialah wali merupakan satu pihak atau individu yang diberi hak dan kuasa untuk menguruskan pihak lain merangkumi dua aspek, yang pertama pengurusan diri seperti menyediakan keperluan hidup, pendidikan dan menguruskan akad nikah; kedua, menguruskan harta anak yatim seperti membelanjakannya mengikut keperluan dan mengembangkannya melalui urusniaga yang menguntungkan. Maka, penulisan ini menfokuskan kepada tanggungjawab wali terhadap anak yatim dari sudut menyediakan keperluan asas kehidupan merangkumi makan, minum, tempat tinggal, pakaian, pendidikan, emosi dan kasih sayang. Jika anak yatim mempunyai harta, maka sumber nafkah tersebut adalah daripada hartanya sendiri, namun jika mereka tidak mempunyai harta, maka sumber nafkah akan berpindah kepada wali. Jika wali juga tidak mempunyai harta, maka nafkahnya akan diberikan oleh pihak baitulmal. (Siti Nur Hazimah, 2018).

Urutan wali ke atas anak yatim menurut Ulama Mazhab Hanafi ialah datuk, adik-beradik lelaki dan bapa saudara sebelah ayah. Urutannya adalah sesuai dengan urutan pembahagian dalam hukum warisan. Jika tiada wali sebelah ayah maka perwalian dipindahkan kepada ibu dan ahli keluarga yang lain. Menurut Mazhab Maliki pula, urutan perwalian anak yatim bermula daripada orang yang dilantik sebagai wali oleh ayahnya ketika hidup diikuti dengan adik-beradik lelaki, datuk dan bapa saudara lelaki sebelah ayah. (Wahbah Zuhaili, 2011)

Seseorang yang menjadi wali ke atas diri orang lain syaratnya harus sudah baligh, berakal, mampu mendidik anak, amanah atas akhlak anak dan beragamaan Islam untuk anak Muslim dan Muslimah. Tidak ada perwalian bagi orang yang belum baligh, tidak berakal dan gila kerana mereka sendiri masih memerlukan orang lain untuk mengurus. Orang yang fasik juga tidak layak dilantik sebagai wali. (Wahbah Zuhaili, 2011)

DEFINISI ANAK YATIM

Perkataan ‘yatim’ mengikut bahasa diambil daripada bahasa Arab dalam bentuk *isim faa’il*. *Feel madhinya* adalah ‘yatama’, manakala *feel mudhori*’nya adalah ‘yaitamu’. Kalimah *masdar* pula ialah ‘yatmu’ yang membawa makna sedih dan juga ‘sendiri’. Perkataan yatim juga bermaksud anak binatang seperti anak lembu yang ditinggalkan oleh ibunya atau terpisah daripadanya disebabkan kematian (Lisan al-Arab: 2004). Selain itu, pendapat lain juga mengatakan, perkataan yatim diambil daripada bahasa Arab ‘yatama-yaytimu-yatman’ dengan *isim faa’il* (pelaku), selain ia juga memberi maksud anak yang ditinggalkan oleh ayahnya selepas meninggal dunia (Muhammad Abi Bakr al-Razi, al-Mukhtar al-Şihah: 1931).

Maksud yatim menurut istilah syarak ialah anak yang kematian bapa sebelum dia mencapai umur baligh. Sebagaimana dinyatakan dalam kamus al-Munjid, yatim adalah seorang bayi atau seorang anak yang ayahnya meninggal ketika dia belum dewasa (baligh). Justeru semua pakar bahasa telah sepakat menyatakan bahawa anak yatim adalah setiap anak kematian ayahnya ketika dia belum baligh. (Syihabuddin Abu Amr: 2003).

Maksud yang sama turut digunakan oleh beberapa pendapat yang lain dalam membincangkan perkataan yatim dari sudut istilah. Antaranya ialah perkataan yatim bermaksud anak yang ditinggalkan selepas kematian bapanya dan ia belum mencapai usia baligh. Adapun jika dalam konteks binatang istilah yatim adalah anak yang ditinggalkan selepas kematian ibunya (Ibrahim Anis: 1063). Perbezaan penggunaan perkataan ‘yatim’ pada manusia dan binatang adalah berdasarkan kepada peranan bapa sebagai orang yang bertanggungjawab ke atas anaknya, manakala bagi binatang pula, ibu yang berperanan untuk menjaga anaknya. Adapun Ibnu Manzur (1993) pula menyebut, perkataan yatim adalah khusus untuk anak yang kematian bapa sahaja, manakala anak yang kematian ibunya disebut dengan istilah ‘*munqati*’ bermaksud yang terputus.

Selain itu, perkataan ‘yatim’ juga bermaksud lemah atau letih (Warson Munawwir: t.t), disebabkan kelemahan dan ketidakupayaan tersebut, maka ia memerlukan perlindungan dan belaian kasih sayang yang tidak boleh hilang sehingga ia dewasa (al-Zuhayli: 2016). Berdasarkan pelbagai istilah yang dinyatakan ini menunjukkan perkataan yatim mempunyai makna yang cukup luas, namun kajian ini telah memilih satu istilah yang lebih tepat dengan

konteks kajian iaitu anak yang kematian bapa sebelum mereka mencapai usia baligh. Istilah yatim dalam konteks ini juga banyak dipersetujui oleh kebanyakan pengkaji pada masa kini (Fauziyah Masyhari: 2017).

Batas akhir usia anak yatim adalah setelah mencapai usia baligh. Indikator baligh dapat diketahui dengan beberapa bukti yang dialami oleh anak seperti bermimpi keluar air mani, tumbuh janggut, misai, bulu di sekitar alat kelamin dan perubahan fizikal bagi seorang wanita. Melalui beberapa indikator mencapai usia baligh seorang anak yang telah disebutkan, indikator yang paling mudah untuk diketahui secara zahir adalah melalui usia. Oleh itu, sarjana fiqh biasanya menetapkan ukuran baligh adalah bermula usia 15 tahun sehingga 18 tahun. Imam Ahmad dan Imam al-Shafie, contohnya telah membuat ukuran usia baligh dengan 15 tahun, Imam Abu Hanifah pula menyatakan usia baligh dicapai ketika berumur 17 dan 18 tahun. Sementara menurut pengikut Imam Malik pula, usia yang diukur adalah 15, 17 dan 18 tahun (Ibn Qayyim: 1994).

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB WALI TERHADAP ANAK YATIM

Secara umum, konsep perwalian adalah bagi memastikan anak-anak yatim terbelas dan terpelihara walaupun setelah kematian wali utamanya iaitu seorang ayah. Islam amat menekankan kepada pentingnya bersikap baik terhadap anak yatim, bersesuaian dengan firman Allah dalam surah al-Dhuha, ayat 9-11 yang bermaksud: *“adapun terhadap anak-anak yatim, maka janganlah engkau bersikap kasar terhadapnya, orang-orang yang meminta-minta, maka janganlah tengking herdik dan adapun nikmat itu hendaklah engkau sebutkan sebagai menzahirkan kesyukuran”*. Ulama Mazhab Hanafi membahagikan perwalian kepada tiga aspek iaitu perwalian terhadap jiwa; perwalian terhadap harta; dan perwalian terhadap harta dan jiwa. Manakala Zahratul dalam Jurnal Dinamika Hukum (2012) membahagikan perwalian anak yatim kepada perwalian terhadap mengasuh dan menyusu; perwalian terhadap diri; dan perwalian terhadap hak milik. Penulisan ini akan membahagikan tanggungjawab wali kepada tiga iaitu tanggungjawab wali melindungi anak yatim, memberi nafkah dan menguruskan harta-harta mereka.

1. WALI MELINDUNGI ANAK YATIM

Anak-anak yatim amat memerlukan belaian dan perhatian daripada orang dewasa yang bertindak sebagai wali. Kewujudan wali yang menggantikan peranan ayah bagi seorang anak berupaya memenuhi naluri seorang anak yang memerlukan tempat berlindung serta menerapkan nilai-nilai positif terhadap perkembangan anak yatim. Ia turut mampu mengurangkan bilangan anak yatim yang terbiar tanpa jagaan. (Rashid Ridha: t.t). Wali perlu melindungi dengan memberi kasih sayang kepada anak yatim seperti yang disarankan dalam hadis Rasulullah SAW riwayat Ahmad yang bermaksud: *“Dari Abu Umamah dari Nabi SAW berkata: barangsiapa yang mengusap kepala anak yatim lelaki atau perempuan kerana Allah, adalah baginya setiap rambut yang diusap dengan tangannya itu terdapat banyak kebaikan, dan barangsiapa berbuat baik kepada anak yatim perempuan atau lelaki yang dia asuh, adalah aku bersama dia di syurga seperti ini, baginda merenggangkan dua jarinya.”* Perlindungan wali dalam bentuk kasih sayang kepada

anak yatim dapat menyelamatkan mereka daripada kecelaruan jiwa dan tekanan hidup. Nuruddin Abu Lahyah (t.t). Anak-anak yang kekurangan kasih sayang mudah terjebak dengan perkara-perkara negatif sehingga memudaratkan diri sendiri seperti merokok, pergaulan bebas dan penyalahgunaan dadah.

Wali juga perlu melindungi anak yatim melalui pendidikan bagi menyiapkan mereka kekuatan mental dan spiritual untuk menjadi seorang manusia yang matang. Abdurrahman Misno dalam kajiannya menekankan bahawa keperluan pendidikan kepada anak yatim sebagai proses bimbingan secara berterusan untuk menjadi manusia yang baik dan berakhlak mulia. Perhatian perlu diberikan terhadap psikologi mereka sehingga anak-anak yatim tidak merasakan mereka kehilangan seorang ayah yang sepatutnya menjadi tempat bergantung. Berdasarkan penelitian yang dilakukan oleh Imam Wahyudi (2009) menunjukkan bahawa keperluan asas anak yatim ialah wakil seorang ayah yang bertindak memenuhi keperluan pendidikan untuk kecekapan hidup dan keperluan pembinaan model yang mengarahkan anak yatim mempunyai kematangan mental dan spiritual. Justeru tanggungjawab menyediakan pendidikan yang berteraskan skop pendidikan Islam perlu menjadi satu kewajipan kepada wali terhadap anak yatim.

Selain daripada kasih sayang dan pendidikan, wali juga perlu melindungi anak yatim melalui hubungan yang mesra dan erat antara wali dan anak yatim. Ini perlu bagi membolehkan anak yatim berkongsi perasaan dan berbincang mengenai permasalahan yang dihadapi dalam kehidupan seharian. Kesediaan wali memberi perhatian dan membantu menyelesaikan masalah telah meletakkan perasaan dihargai dan dilindungi dalam kalangan anak yatim. Persekitaran yang baik ini mampu memberi kesan positif kepada perkembangan emosi anak yatim supaya mereka mampu menjalani kehidupan seperti kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang lain (Farah Syazrah, et. al: 2015). Layanan baik kepada anak yatim disebut dalam surah al-Baqarah, ayat 220 yang bermaksud: *“Dan mereka bertanya kepadamu tentang anak yatim, katakanlah: “Mengurus urusan mereka secara patut adalah baik, dan jika kamu bergaul dengan mereka, maka mereka adalah saudaramu; dan Allah mengetahui siapa yang membuat kerosakan dari yang mengadakan perbaikan. Dan jikalau Allah menghendaki, nescaya Dia dapat mendatangkan kesulitan kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.”* Ayat ini memberikan petunjuk bahawa perlu melayani anak yatim dengan baik dan larangan untuk berbuat aniaya, sewenang-wenang dan menyusahkan mereka (Sayyid Sabiq, Tafsir fi Zilal al-Quran).

2. WALI MEMBERI NAFKAH KEPADA ANAK YATIM

Pengertian nafkah dari segi bahasa *الانفاق* bermaksud ‘mengeluarkan’ iaitu kewajipan seseorang untuk mengeluarkan nafkah keperluan asas seperti tempat tinggal, makanan dan pakaian kepada yang berhak menerimanya. Termasuk dalam kategori nafkah ialah nafkah suami kepada isteri dan anak-anak, kaum kerabat yang miskin termasuk anak yatim dan anak-anak yang terlantar mengikut kemampuannya. Syamsul Bahri (2015). Konsep nafkah bersandarkan al-Quran surah at-Talaq ayat 7: *“hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. Dan orang yang disempitkan rezekinya hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah*

kepadanya. Allah tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan sekadar apa yang Allah berikan kepadanya. Allah kelak akan memberikan kelapangan sesudah kesempitan.”

Tiga sebab wajib bagi nafkah iaitu kaum kerabat termasuk anak yatim, pemilikan dan perkahwinan. Kaum kerabat atau nasab keturunan merupakan vertical yang dapat menguasai, ertinya dengan adanya hubungan nasab seseorang dapat menerima harta seseorang. Maka kaum kerabat bagi anak yatim adalah walinya. Ahli fiqh menetapkan bahawa hubungan kekeluargaan yang menyebabkan nafkah adalah keluarga terdekat yang memerlukan pertolongan seperti ibu bapa kepada anak-anaknya, anak-anak kepada orang tuanya bahkan adik beradiknya yang dekat bagi mencukupi keperluan hidup mereka serta anak-anak yatim yang termasuk dalam kerabat mereka. Imam Hanafi berpendapat wajib nafkah kepada kaum kerabat yang haram dinikahi. Memberikan nafkah kepada kaum kerabat merupakan kewajipan kepada seseorang apabila mereka mampu dan kaum kerabat tersebut adalah miskin. Kaum kerabat dekat lebih berhak disantuni dan dinafkahi berbanding dengan kerabat yang jauh lebih-lebih lagi mereka adalah anak-anak yatim. Syamsul Bahri (2015)

Tanggungan wali memberi nafkah kepada anak yatim adalah menyamai tanggungjawabnya memberi nafkah kepada keluarga sendiri. Surah al-baqarah ayat 215 menyatakan yang bermaksud, *“mereka bertanya tentang apa yang mereka nafkahkan. Jawablah: "Apa saja harta yang kamu nafkahkan hendaklah diberikan kepada ibu-bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan." dan apa saja kebaikan yang kamu buat, Maka Sesungguhnya Allah Maha mengetahuinya.”* Maka wali perlu menyediakan nafkah dalam bentuk keperluan asas seperti tempat tinggal, makanan dan pakaian bagi memastikan anak yatim dapat hidup sempurna seperti orang lain.

Menurut hukum fiqh, sumber nafkah anak yatim adalah daripada hartanya sendiri jika dia mempunyai harta, dan jika dia tidak mempunyai harta, sumber nafkah untuknya adalah daripada wali, dan jika dia tidak mempunyai wali, maka hak nafkah untuknya perlu diberikan oleh baitulmal (Wizarah al-Awqaf wa al-Syuun al-Islamiah al-Kuwait dalam Siti Nur Hazimah Hamid 2018). Dalam mazhab Syafi'i, nafkah anak yatim wajib ditanggung oleh usul-usulnya (ibu, datuk, nenek hingga ke atas) dengan didahulukan usul lelaki sebelum usul perempuan. Selama masih ada usul lelaki (bapa, datuk hingga seterusnya), nafkah tidak ditanggung oleh usul perempuan (ibu, nenek hingga seterusnya). Bagi anak yatim, nafkahnya wajib ditanggung oleh datuknya, diikuti oleh bapa kepada datuknya hinggalah seterusnya ke atas. Wali yang lebih dekat didahulukan daripada wali yang jauh. Jika anak mempunyai datuk dan juga bapa kepada datuknya, nafkahnya wajib ditanggung oleh datuk kerana ia lebih dekat. Jika sama-sama dekat seperti anak yatim mempunyai datuk sebelah bapa (iaitu bapa kepada bapanya) dan juga datuk sebelah ibu (iaitu bapa kepada ibunya), kewajipan nafkah dikongsi bersama. Menurut al-Mawardi (1999), apabila tidak ada datuk atau datuk yang ada tidak mampu, barulah kewajipan nafkah berpindah kepada usul-usul perempuan (iaitu ibu atau nenek atau yang lebih atas). Siti Nur Hazimah Hamid 2018.

3. WALI MENGURUSKAN HARTA ANAK YATIM

Peranan dan tanggungjawab wali terhadap anak yatim adalah sangat besar kerana seorang wali di samping perlu mengurus diri anak tersebut, wali juga perlu menjaga dan memelihara harta benda mereka. Wali perlu mencatat segala transaksi pengeluaran dan perubahan dari harta benda anak yatim yang berada di bawah perwaliannya agar harta tersebut dapat diserahkan kembali kepada mereka pada masa yang paling sesuai (Zahratul, 2012).

Ulama berbeza pendapat berkenaan perlantikan wali bagi menguruskan harta anak yatim. Ulama Mazhab Hanafi berpendapat bahawa perwalian harta anak yatim diberikan kepada orang yang diwasiatkan oleh si ayah sebelum meninggal dunia. Jika si ayah tidak melantik wali, maka datuk akan bertindak sebagai wali, diikuti dengan orang yang dilantik oleh datuk, kemudian diserahkan kepada hakim dan orang yang dilantik oleh hakim. Manakala Ulama Mazhab Maliki dan Hanbali pula berpendapat wali bagi menguruskan harta anak yatim adalah mengikut wasiat si ayah. Jika tiada wasiat maka diserahkan kepada pihak hakim. Ulama Mazhab Syafie berpendapat, wali yang bertanggungjawab menguruskan harta anak yatim ialah datuk, kemudian kepada orang yang diberi wasiat kemudian kepada hakim. Perwalian ke atas harta tidak boleh diberikan kepada adik-beradik lelaki, bapa saudara dan ibu kecuali terdapat wasiat dari si ayah sebelum kematiannya. (Wahbah Zuhaili 2011)

Seorang wali yang dilantik sebagai pengurus harta anak yatim disyaratkan mestilah seorang yang telah baligh, merdeka dan telah terbukti mampu menguruskan hartanya sendiri. Wali diberi hak untuk menggunakan harta anak yatim dengan syarat harus memenuhi masalah anak yatim. Surah al-Isra' ayat 34 meyakinkan yang bermaksud "*Dan janganlah kamu mendekati harta anak yatim kecuali dengan cara yang lebih baik (bermanfaat) sampai dia dewasa, dan penuhilah janji, kerana janji itu pasti diminta dipertanggungjawabkannya.*"

Al-Quran sangat memberi perhatian terhadap anak yatim termasuk dalam proses pengurusan harta anak yatim sebagaimana dalam surah al-Nisa ayat 2 yang bermaksud "*dan berikanlah kepada anak-anak yatim (yang sudah baligh) harta mereka, jangan kamu menukar yang baik dengan yang buruk dan jangan kamu Makan harta mereka bersama hartamu. Sesungguhnya tindakan-tindakan (menukar dan memakan) itu, adalah dosa yang besar.*" Ayat 5 yang bermaksud "*dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akal nya, harta (mereka yang ada dalam kekuasaanmu) yang dijadikan Allah sebagai pokok kehidupan. berilah mereka belanja dan pakaian (dari hasil harta itu) dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik.*" Ayat 6 yang bermaksud "*dan ujilah anak yatim itu sampai mereka cukup umur untuk kawin. kemudian jika menurut pendapatmu mereka telah cerdas (pandai memelihara harta), Maka serahkanlah kepada mereka harta-hartanya. dan janganlah kamu Makan harta anak yatim lebih dari batas kepatutan dan (janganlah kamu) tergesa-gesa (membelanjakannya) sebelum mereka dewasa. barang siapa (di antara pemelihara itu) mampu, Maka hendaklah ia menahan diri (dari memakan harta anak yatim itu) dan Barangsiapa yang miskin, Maka bolehlah ia Makan harta itu menurut yang patut. kemudian apabila kamu menyerahkan harta kepada mereka, Maka hendaklah kamu adakan saksi-saksi (tentang penyerahan itu) bagi mereka. dan cukuplah Allah sebagai Pengawas (atas persaksian itu).*"

Ayat-ayat tersebut menuntut supaya hak pengurusan harta anak yatim dilakukan dengan adil dan saksama. Harta-harta anak yatim perlu diserahkan kembali kepada mereka setelah diuji kebolehan mereka dalam menguruskan harta. Wali perlu membimbing dan melatih mereka menguruskan harta dengan cekap tanpa ada unsur-unsur pembaziran dan pemborosan. Wali juga diingatkan menjaga amanah harta-harta tersebut dengan menyerahkan harta mereka yang hak tanpa menukarkan dengan sesuatu yang tidak baik. Harta anak yatim boleh digunakan untuk keperluan mereka seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan mengikut kadar yang sepatutnya. Wali yang tidak mampu juga dibenarkan menggunakan harta anak yatim yang diurusnya mengikut kadar yang diperlukan.

PENUTUP DAN KESIMPULAN

Peranan dan tanggungjawab wali kepada anak yatim sangat dititik beratkan dalam Islam. Rasulullah s.a.w bersabda, maksudnya: "*Sebaik-baik rumah kaum muslimin ialah rumah yang ada anak yatim yang diasuh dengan baik dan sejahat-jahat rumah kaum muslimin adalah rumah yang ada anak yatim yang selalu diganggu dan disakiti hatinya.*" Riwayat Ibnu Majah. Wali yang bertindak sebagai pengganti seorang ayah perlu menjalankan tanggungjawab sosial dengan menyayangi dan memelihara anak yatim. Surah al-fajr ayat 15-20 menyatakan salah satu punca wujudnya masalah sosial ialah kerana tidak memuliakan anak yatim. Kefahaman masyarakat berkaitan tanggungjawab wali terhadap anak yatim perlu diperkasakan. Walaupun anak-anak yatim tinggal bersama ibu, namun tanggungjawab wali di pihak keluarga ayah tidak terlepas dalam memastikan anak-anak yatim hidup sempurna dan terpelihara. Peranan dan tanggungjawab wali bukan hanya terfokus kepada urusan nikah sahaja malah melibatkan keseluruhan kehidupan anak yatim termasuk perlindungan, memberi nafkah serta menguruskan harta anak-anak yatim dengan amanah dan bertanggungjawab.

RUJUKAN

- Abd al-Rashid Abd al-Aziz Salim. 1975. *Al-Tarbiyah al-Islamiyyah wa Turuq Tadrisiha*. Dar al-Buhuth al-Ilmiyyah.
- Abdul Rahman I.DoI (2003), *Undang-undang Syariah*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Abdurrahman Misno Bambang Prawiro. (t.t) *Pendidikan Berkarakter Islami bagi anak yatim*. Dosen Tetap Prodi Akhwal Al Syakhshiyah Jurusan Hukum Islam STAI Al-Hidayah Bogor.
- Abi Bakr Ahmad bin ‘Ali al-Razi al-Jassas, *Ahkam al-Qur’an* (n.np: Dar alKhilafah al-‘ Aliya, 1 vols., 1335/1916), 405.
- Al-Mu’jam Lisan al-Arab*, Maktabah Syuruq al-Dauliyah, Mesir. Cet. IV tahun 1425 H/2004 M
- Al-Qamus al-Munjid*, Syihabuddin Abu Amr. 1423 H / 2003 M. Cetakan I: Darul Fikri.
- Al-Zamakhshari*. T.th. *Al-Khashshaf*. Dar al-Kutub al-Arabi.
- Al-Zuhayli. *Al-Tafsir al-Munir*. Jil(4). Dirasat: *Jurnal Manajemen dan Pendidikan Islam* 2, no. 1 (Desember 2016).

- Amin Nuddin. 2017. Konsep anak yatim dalam al-Quran: Studi antara Tafsir Ibnu Kathir dan Tafsir Hamka. *Jurnal al-Fath*, Vol(11),No.(1), Jan-Jun 2017. ISSN: 1978-2845.
- Amir Awang, Rusimah Sayuti, Zakiyah Jamaluddin & Chan Cheong Chong. 2004. Permasalahan Anak Yatim Di Institusi Kebajikan Anak Yatim. Universiti Utara Malaysia. <https://www.researchgate.net/publication/269053837>.
- Farah Syazrah Mohd Ghazalli, Muhammad Fadhil Nurdin & Norizan Abdul Ghani. 2015. Penerimaan Layanan Emosi Anak Yatim Di Rumah Perlindungan: Kajian Di Wisma Yatim Perempuan Islam, Pulau Pinang. Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia. Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century. eISBN: 978-967-13705-0-6
- Fauziyah Masyari. Jun 2017. Dirasat: *Jurnal Manajemen Dan Pendidikan Islam* Volume 2, Nomor 2, E-Issn: 2527-6190; P-Issn: 2503-3506; Hal. 233-251. Program Pascasarjana Unipdu Jombang
- Ibn Qayyim al-Jawziyah. 1994. *Tuhfat al-Mawrud bi Ahkam al-Mawrud*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibrahim Anis. 1063. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Beirut: LP, t.th. jil(2). Wahbah al-Zuhayli, *al-Tafsir al-Munir*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, t.th. jil(4).
- Imam Wahyudi. 2009. *Motivasi Anak Yatim masuk ke PYIT*.
- Jalal al-Din al-Khabbazi. T.th. *Al-Mughni fi Usul al-Fiqh*. Mekah: al-Maktabah al-Arabiyyah.
- Jamaludin Ramli Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Siti Zainab Bt Md.Lazin @ Md.Lazim. (thn) *Kemurungan Dalam Kalangan Penghuni Rumah Anak Yatim Di Daerah Kota Bharu, Kelantan*. Universiti Teknologi Mara Melaka. Universiti Teknologi Mara Melaka
- Khairil Ihsan. 2008. Perspektif al-Quran tentang anak yatim dan validitas berpoligami (kajian tafsir tematik). *Jurnal Studi al-Quran: Membangun generasi berfikir qurani*. Vol.(IV), No(1).
- Masalah Perlindungan Anak (Jakarta: Akadanih, 1989), 15; Agus F. Tanggayung, *Proses Belajar Mengajar di Taman Kanak-Kanak* (Jakarta: LP, 1986), 5; Elizabert B. Huriocock, *Child Development* (Tokyo: McGraw Hill Book, 1978), 37.
- Muhammad b. Abi Bakr al-Razi. 1931. *Al-Mukhtar al-Shihah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad b. Mukarram Ibn Manzur. 1993. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Nuruddin Abu Lahyah (t.t.) *al huququ al syariyyah lil awladi al-qasirin*. Dar al kitab al hadis.
- Rashid Ridha. T.th. *Tafsir al-Manar*. Mesir: al-Manar.
- Sayyid Sabiq. *Tafsir Fi Zilal al-Quran*. t.t.
- Syamsul Bahri (2015), *Konsep Nafkah Dalam Hukum Islam*. *Kanun Jurnal Ilmu Hukum*. No.66 Th.XVII (Agustus,2015) pp381-399
- Tafsir al-Quran al-Karim*, Imam Abu Al-Fida' bin Kathir. Kuwait: Jumiyyah Ihya' al-Turath.
- Wahbah Az-Zuhaili (2011) *Fiqh Islam Wa Adillatuhu* Jilid 10. Darul Fikir Kuala Lumpur.
- Warson Munawwir, *Kamus Arab-Indonesia al-Munawwir*. Yogyakarta: Yayasan al- Munawwir Krapyak. t.th.